



## JABATAN PERIKANAN MALAYSIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture and Food Security  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI  
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62628 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

03-8870 4426  
ukk@dof.gov.my  
<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(98)

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## SIARAN MEDIA

### STATUS SEMASA KUPANG TERCEMAR PORT DICKSON

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memaklumkan status semasa berkenaan kupang tercemar di Perairan Port Dickson, Negeri Sembilan. Pada 29 April 2024 Pejabat Perikanan Negeri Sembilan telah mengambil sampel kali kelima untuk ujian makmal dan hasil analisis makmal tersebut masih menunjukkan kandungan biotoksin yang tinggi dan tidak selamat dimakan.

DOF bersama Persatuan Nelayan Negeri Sembilan masih giat menjalankan pemantauan setiap minggu bermula 2 April 2024 dan berdasarkan tinjauan semasa yang dijalankan di lokasi, nelayan dan peniaga sentiasa mematuhi arahan larangan mengambil, mengutip dan menjual seperti yang diarahkan oleh DOF sebelum ini. Verifikasi yang telah dijalankan bermula 26 hingga 28 April 2024 telah mengenal pasti seramai 81 orang penternak yang terjejas berikutan kes kupang tercemar biotoksin.

Jabatan akan meneruskan pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) *National Shellfish Sanitation Programme (NSSP)* yang ditetapkan sehingga bacaan biotoksin berada di paras yang dibenarkan dan kupang disahkan selamat untuk dimakan di Negeri Sembilan.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

### UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Wisma Tani, Putrajaya  
E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)  
30 April 2024



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI

PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

**myDOF**  
Peneraju Perikanan